

UMS perkukuh jalinan kerjasama dengan LJ Resources

UB 17.08.2024 P.02

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memperkukuh jalinan kerjasama dengan pihak industri bagi memberi manfaat khususnya kepada pelajar UMS.

Terbaharu, UMS menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama LJ Resource Enterprise.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, berkata kerjasama itu meliputi bidang penyelidikan, penerbitan, konsultasi dan projek komuniti untuk meningkatkan pengetahuan pelajar.

Disamping itu, ia juga program latihan untuk memajukan kemahiran profesional serta perkongsian data dan bahan untuk tujuan akademik dan penyelidikan.

Beliau berkata selain pendidikan formal, UMS komited menyediakan latihan tambahan, kursus profesional dan peluang pembangunan untuk pelajar dan masyarakat.

Ini bagi membantu melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan yang relevan dengan industri.

“LJ Resources, sebuah syarikat penyedia latihan terkemuka di Labuan menunjukkan komitmen dalam memberikan latihan berkual-



SEPAKAT: Kasim (empat kanan) bertukar dokumen MoU dengan Joanita sempena majlis itu.

iti tinggi.

“Syarikat ini diiktiraf HRD Corp., Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), menunjukkan komitmen dalam industri latihan,” katanya.

Tambah Kasim, kerjasama tersebut akan menyatukan kekuatan serta kepakaran UMS bersama LJ Resources Enterprise yang akan memberi manfaat besar kepada kedua-dua pihak.

Pemilik Tunggai Syarikat LJ Resources Enterprise, Joanita Joseph berkata MoU yang ditandatangani akan membuka ruang lebih cerah

dan berinovatif bagi kedua-dua pihak.

“Di LJ Resources Enterprise, kami sentiasa komited untuk memajukan piawaian keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

“Dedikasi menyediakan latihan berkualiti tinggi dan perkhidmatan penilaian risiko telah menjadikan kami rakan kongsi dipercayai dalam industri ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara UMS dan LJ Resources Enterprise di UMS.

Tambah Joanita, melalui inisiatif penyelidikan bersama, persidangan kolaboratif dan

sesi latihan praktikal, mereka berhasrat melengkapkan generasi profesional seterusnya dengan kemahiran dan pengetahuan diperlukan.

Katanya, kerjasama itu bukan sahaja memberi manfaat kepada pelatih dan pelajar, tetapi juga memberi kesan mendalam kepada industri di Labuan.

Pada MoU itu, UMS diwakili Kasim dan Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar, manakala LJ Resources Enterprise diwakili Joanita dan Naib Presiden Persatuan Pengamal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Labuan (LOSPHA), Denis Empalah.